

HGM 239/3 GEOGRAFI MANUSIA

SEMESTER 1

SIDANG AKADEMIK 2018/2019

TAJUK SOALAN:

DENGAN MENGGUNAKAN CONTOH-CONTOH YANG JELAS, BINCANGKAN BAGAIMANA KEHIDUPAN SEHARIAN ANDA DAPAT DIHURAIKAN DALAM RUANG LINGKUP TIGA DARIPADA ENAM PERSPEKTIF GEOGRAFI IAITU LANDSKAP BUDAYA, PUSAT BUDAYA DAN DIFUSI BUDAYA.

DISEDIAKAN OLEH : SITI ZULAIKHA BINTI HASAN

NO KAD PENGENALAN : 960529-08-5648

NO MATRIK : 136505

E-MEL PELAJAR : sitizulaikha@student.usm.my

NAMA PENSYARAH : PROF DR SURIATI BINTI GHAZALI

TARIKH HANTAR : 15 NOVEMBER 2018

Menurut Harm J.de Blij (1977) budaya adalah cara hidup sesebuah populasi manusia yang meliputi setiap tingkah laku manusia yang dipelajari dan diturunkan kepada setiap generasi. Bahasa, agama, seni bina, muzik malah makanan kesukaan juga adalah sebahagian daripada budaya. Budaya terdiri daripada sistem kepercayaan dan nilai manusia (agama, politik), institusi (undang-undang, pendidikan, kerajaan) dan teknologi (kemahiran, peralatan). Manakala, geografi budaya pula ialah satu bidang ilmu yang mengkaji hal ehwal berkaitan bentuk, keadaan dan tatacara kehidupan sesebuah masyarakat di sesuatu tempat dan sebarang perubahan di dalamnya. (Fouberg, Murphy & Harm J.de Blij, 2012)

Satu tema berulang tentang geografi budaya adalah perubahan. Tiada budaya yang sentiasa kekal sama dengan satu set ideologi atau satu sistem organisasi (Arthur Getis, Judith Getis & Jerome D. Fellmann, 2008) Oleh itu, melalui kajian geografi budaya, kita akan dapat melihat di mana sesuatu idea dan perlakuan budaya terbentuk, ke mana ia tersebar dan bagaimana ia memberi kesan kepada landskap, persepsi manusia dan hubungan manusia dengan alam.

Menurut Suriati Ghazali (2017) geografi budaya mengizinkan manusia untuk dikaji berdasarkan dirinya sebagai individu dalam lingkungan masyarakatnya kerana budaya adalah unik mengikut kumpulan masyarakat dan tempat; dan berubah secara tidak sama mengikut tempat dan masa. Oleh itu, dalam penulisan ini, kita akan melihat bagaimana kehidupan seharian penulis dapat dihuraikan melalui tiga perspektif geografi budaya iaitu pusat budaya, difusi budaya dan landskap budaya.


Pusat budaya ialah lokasi yang menjadi asal usul sesebuah budaya yang kemudiannya berkembang maju dan tersebar keluar ke lokasi seluruh dunia. Bermakna, budaya tersebut tidak terhad hanya untuk penduduk lokasi tersebut sahaja, namun ia menjadi cukup berpengaruh sehingga diterima pakai dan dipraktikkan pula di lokasi lain. (Serguei Shcheglov, 2017)

Pusat budaya pada awalnya merupakan tamadun purba yang ilmu pengetahuan dan kaedahnya dalam sistem pertanian, seni bina, teknologi, ketenteraan, politik dan kesusasteraannya masih menjadi inspirasi dan terus berpengaruh dalam dunia moden pada hari ini. Menurut Serguei Shcheglov (2017) terdapat tujuh tamadun purba yang utama iaitu Lembah Nil, Lembah Indus, Lembah Hwang Ho, Lembah Ganges, Mesopotamia, Mesoamerika, dan Afrika Barat.

Satu ciri utama yang perlu ada pada sesebuah pusat budaya ialah ia harus menonjol. (Historyplex, 2018) Ini kerana, terdapat banyak budaya yang ada di serata dunia namun tidak semestinya ia diangkat sebagai pusat budaya. Sesebuah pusat budaya mempunyai ciri-ciri tersendiri yang menarik sebarannya dan menyebabkan ia diamalkan oleh penduduk di pelbagai lokasi lain.

Pada penulis, dalam kehidupan seharian penulis, Jepun dilihat sebagai sebuah pusat budaya yang menonjol kuat dan mula berlaku proses asimilasi di mana sesetengah budaya Jepun diambil dan diamalkan namun diolah bagi disesuaikan dengan budaya tempatan yang sedia ada. Berdasarkan kajian perpustakaan yang penulis lakukan, sememangnya mempunyai kajian yang membuktikan bahawa Jepun berperanan sebagai pusat budaya.

Hasil dapatan kajian berkenaan boleh dilihat dengan jelas melalui rajah 1 di bawah.



Rajah 1: Budaya Asing Yang Digemari Rakyat Malaysia %

Sumber: Rohayati Paidi (2017)

Berdasarkan rajah di atas, menurut Rohayati Paidi (2017) kajian yang dijalankan oleh B.Ha pada tahun 2010 menunjukkan bahawa budaya Jepun menduduki senarai teratas dalam kalangan budaya asing yang digemari dan diikuti oleh rakyat Malaysia dengan skor sebanyak 28%. Ini diikuti oleh budaya Amerika Syarikat dengan 20.8%, China (11.0%), Taiwan (9.7%), Eropah (9.5%), India (6.2%), Hong Kong (4.6%) dan Korea (3.1%).

Permulaan kewujudan budaya Jepun di Asia dapat dijejaki seawal pertengahan 1980-an apabila Jepun menjadi sebahagian daripada kuasa ekonomi dunia. Semakin berkembang pemasaran produk budaya Jepun menjangkau sempadan negaranya, impak budaya popular Jepun semakin dapat dirasai di negara luar terutamanya negara-negara Asia berikutan persamaan budaya yang dimiliki oleh mereka. (Rohayati Paidi, 2017)

Sememangnya diketahui umum, bagaimana Jepun berperanan sebagai pusat budaya dunia moden. Jepun antara negara dunia yang mendominasi dalam bidang teknologi, literasi, pemakanan, pekerjaan dan taraf kehidupan secara keseluruhan. (Historyplex, 2018) Walau bagaimanapun, bagi penulis, budaya Jepun yang paling mempengaruhi kehidupan seharian penulis ialah budaya menonton Anime.

Jepun dianggap sebagai ‘Kerajaan Anime’. Industri Anime Jepun mula berkembang rancak selepas melihat industri komik Jepun yang berkembang sejak tahun 1940 an iaitu Manga mendapat sambutan hebat. Jepun merupakan pengeksport terbesar dunia bagi karya animasi dengan menyumbang 60% pasaran antarabangsa malah bahagian pasaran di Eropah dan Amerika Syarikat adalah lebih daripada 80%. Kira-kira 6 bilion penerbitan diterbitkan di Jepun setahun, dengan Jepun memiliki lebih 430 kelab pengeluaran animasi, pawagam pula menghasilkan lebih daripada 80 animasi kategori pecah panggung, manakala stesen televisyen menyiarkan lebih daripada 4000 episod animasi. (Anime Industry Report 2017)

Menurut Rohayati Paidi (2017) Anime, mula menembusi pasaran antarabangsa sekitar awal tahun 1980-an. Judul-judul Anime seperti *Astro Boy* dan *Dog of Flanders* sekian lama diminati oleh penonton-penonton di Barat. Di Malaysia, pengaruh Anime juga telah lama tersebar seiring dengan tayangan meluas siri Anime *Doraemon* dan *Ikkyusan* di Asia Tenggara sekitar tahun 1980-an.


Bagi diri penulis sendiri, memang benar bahawa permulaan budaya Anime itu menjadi sebatik dalam diri penulis adalah melalui siri *Doraemon* yang mula tayangkan pada hari Sabtu jam 7:30 petang di tv NTV7. Seingat penulis sejak penulis berusia 5-6 tahun lagi, ia telah menjadi rutin penulis dan keluarga untuk menontonnya pada setiap hujung minggu.

Tidak dapat penulis nafikan bagaimana pengaruh Anime *Doraemon* berkenaan menjadikan minat penulis kepada budaya Jepun yang lain seperti makanan kegemaran *Doraemon*, iaitu *dorayaki*, sejenis kuih Jepun berbentuk bulatan leper. Apabila meningkat dewasa, minat penulis terhadap Anime berkembang melalui siaran siri *Detective Conan* dan *Naruto* yang disiarkan pada setiap hujung minggu di TV3. Kemudian apabila rangkaian Animax yang secara khusus menayangkan Anime menyertai siaran berbayar Astro (saluran 715) pada 31 Ogos 2006, (Rohayati Paidi, 2017) penulis mula menonton Anime dengan lebih kerap pada setiap hari. Ini kerana, menerusi saluran Animax, penonton yang meminati Anime dapat menonton Anime setiap hari bermula jam 6 pagi sehingga jam 12 tengah malam. Pada ketika ini, semakin banyak siri Anime yang penulis ikuti antaranya siri *Bleach*, *Kiteretsu*, *One Piece*, dan *Dragon Ball*.

Walaupun telah berada di peringkat Universiti, penulis masih mengikuti perkembangan Anime terutamanya Anime yang mempunyai siri dan episod yang panjang seperti *One Piece* yang mempunyai lebih daripada 800 episod. Penulis tidak lagi menonton melalui siaran televisyen Animex, namun menggunakan akses laman sesawang atas talian. Walau bagaimanapun, kekerapan penulis menonton Anime tidak lagi sekerap semasa berada di alam persekolahan. Penulis hanya menonton pada waktu lapang seperti hujung minggu dan juga cuti semester. Secara kesimpulannya, bagi penulis, budaya Jepun terutamanya Anime sememangnya dapat dilihat dalam kehidupan seharian penulis sejak penulis kecil lagi sehingga sekarang.

Seterusnya, bagi menerangkan tentang perspektif geografi budaya iaitu difusi budaya yang dapat dilihat dalam kehidupan penulis, penulis masih akan memberikan contoh mengenai difusi budaya Jepun. Namun, ia akan dilihat dalam konteks budaya yang berbeza. Sebelum itu, perlu difahami bahawa difusi budaya bermaksud proses penyebaran sesuatu konsep, amalan, inovasi atau teknologi daripada kawasan asal ke kawasan lain. (Arthur Getis, Judith Getis & Jerome D. Fellmann, 2008)

Menurut Jerome D. Fellmann, Arthur Getis & Judith Getis (1999), difusi boleh dilihat melalui pelbagai bentuk dan setiap bentuk mempunyai impak yang berbeza dalam sesebuah kumpulan sosial. Walau bagaimanapun, secara asasnya, terdapat dua proses yang terlibat. Pertama, difusi relokasi iaitu pergerakan sebenar seorang individu tanpa mengira sebab pergerakan, ke tempat baru di mana mereka membawa budaya mereka bersama. Ia dapat dilihat dengan lebih jelas melalui rajah 2 di bawah.



Rajah 2: Pergerakan Individu dalam Difusi Relokasi

Sumber: Editor AP Human Geography (2015)

Penulis berpeluang merasai sendiri difusi relokasi apabila 50 orang delegasi guru dan pelajar daripada Hyogo Kenritsu Akashi Jyosai High School dari Jepun datang ke sekolah penulis pada 31 Januari 2013, semasa penulis tingkatan 5 iaitu di SMK Seksyen 4 Kota Damansara, Petaling Jaya, Selangor. (Admin Blog Rasmi SMK Seksyen 4 Kota Damansara, 2013) Pelbagai aktiviti telah sekolah penulis lakukan bagi proses pertukaran budaya. Sikap pelajar Jepun penulis dapati amat unik seperti amat sopan, menghormati orang lain walaupun baru di kenali, serta amat bersikap terbuka semasa sekolah penulis memberikan pengalaman kepada pelajar Jepun mengenali budaya di Malaysia seperti bermain permainan tradisional Malaysia seperti congkak, batu seremban serta tarian tradisional seperti Inang.

Satu perkara yang amat mengagumkan penulis, sehingga penulis sendiri berterusan mengamalkannya sehingga hari ini dalam kehidupan penulis, ialah bagaimana pelajar Jepun amat mementingkan kebersihan. Setelah aktiviti berakhir sekitar lewat petang, walaupun mereka telah kelihatan kerana melakukan pelbagai aktiviti daripada pagi, mereka terus membantu pihak sekolah penulis mengemas semula “selerak” yang telah dilakukan sepanjang aktiviti, dan merendah diri apabila turut membantu mengutip sampah walaupun sampah itu berada di dalam longkang. Walaupun mereka tetamu, namun mereka tidak mempunyai set pemikiran bahawa tugas membersihkan itu, tugas tuan rumah.

Perkara yang menyentak diri penulis itu, kemudiannya disusuli tindakan penulis melakukan penyelidikan mengenai budaya menjaga kebersihan di Jepun yang akhirnya penulis dapati, sikap menjaga kebersihan sememangnya telah menjadi budaya masyarakat Jepun. Sebagai contoh, menurut Ahmad Sohaimi Lazim (2013), pengurusan sisa pepejal dan sampah sarap di Jepun diuruskan dengan cekap menggunakan teknologi moden yang dapat mengurangkan masalah pencemaran alam sekitar.




Rajah 3: Gambar Kenangan Penulis semasa kedatangan delegasi Jepun di SMK Seksyen 4 Kota Damansara (Penulis: Baris atas sekali, hujung sebelah kiri)

Sumber: Blog Rasmi SMK Seksyen 4 Kota Damansara, 2013)

Selain daripada karakter pelajar Jepun, antara budaya Jepun lain yang penulis mula mengetahui semasa lawatan sambil belajar mereka ke sekolah penulis, ialah apabila mereka mengajar penulis cara membuat tanglung ikan, origami, dan cara membuat kipas Uchiwa. Apabila ada kelapangan, penulis akan melakukannya. Malah penulis mengambil kesempatan sehingga hari ini, mengajar budaya tersebut kepada rakan-rakan lain, keluarga dan saudara-mara.

Selain daripada difusi relokasi yang melibatkan pergerakan individu budaya asal ke kawasan lain lalu menyebarkannya. Penulis juga mempunyai pengalaman dalam proses difusi pengembangan, yang bermaksud informasi, idea atau inovasi yang tersebar ke tempat lain, namun dalam masa yang sama, masih kekal di kawasan asal. (Jerome D. Fellmann, Arthur Getis & Judith Getis, 1999)



Difusi Berjangkit

Difusi Stimulus

Difusi Hierarki

Rajah 4: Tiga Jenis Difusi Pengembangan

Sumber: Editor AP Human Geography (2015)

Berdasarkan rajah 4, terdapat tiga jenis difusi pengembangan iaitu yang pertama, difusi berjangkit iaitu ia mula berkembang ke kawasan terdekat dan seterusnya. Kedua, difusi stimulus yang bermaksud idea dan inovasi dipromosikan secara tidak langsung melalui eksperimen, biasanya di kawasan yang orang tidak menerima perkara baru tersebut. Walaupun tidak dapat dinafikan, difusi stimulus budaya Jepun berlaku di Malaysia melalui rangsangan kerajaan apabila Dasar Pandang Ke Timur mula diperkenalkan pada 8 Februari 1982, oleh Dr.Mahathir semasa Persidangan Tahunan Persatuan Ekonomi Malaysia Jepun (MAJECA) pada ketika itu, (Ahmad Sohaimi Lazim, 2013), namun ia kurang memberi impak kepada kehidupan seharian penulis jika ingin dibandingkan bagaimana melalui difusi hierarki.

Sebelum itu, perlu difahami bahawa difusi hierarki bermaksud proses pemindahan idea yang berkembang pertamanya melalui tempat yang lebih maju seperti bandar utama dan golongan yang utama seperti pemimpin, dan barulah pemindahan idea itu berlaku di kawasan yang lebih kecil atau kepada penduduk yang kurang utama. (Jerome D. Fellmann, Arthur Getis & Judith Getis, 1999)

Dalam kehidupan seharian penulis, budaya 5S yang diamalkan di Jepun sejak tahun 1980-an mula penulis pelajari melalui difusi hierarki. Beberapa bulan selepas kedatangan pelajar Jepun ke sekolah penulis, Pengetua SMK Seksyen 4 Kota Damansara iaitu Puan Ranjithamalar A/P A.R.N Lingam telah mula mewajibkan penggunaan amalan 5S ini dalam kalangan warga sekolah terutamanya para pelajar melalui susun atur bilik darjah.


Menurut Editor Laman Rasmi 5S Perpustakaan UTM (2018) amalan 5S merupakan alat pengurusan persekitaran berkualiti yang dipelopori oleh negara Jepun dengan penumpuan kepada lima (5) langkah tindakan pelaksanaan yang bermula dengan awalan huruf 'S' yang bermatlamatkan pengurusan amalan kebersihan yang bersistematik. Seiri, Seiton, Seiso, Seiketsu dan Shitsuke adalah perkataan Jepun yang diringkaskan menjadi 5S. Dalam Bahasa Melayu, amalan 5S merujuk kepada singkatan perkataan Sisih, Susun, Sapu, Seragam dan Sentiasa. Amalan 5S merupakan teknik yang paling berkesan bagi mewujudkan budaya peningkatan secara berterusan atau dikenali sebagai 'Kaizen' dalam Bahasa jepun. Kaizen dilihat sebagai salah satu cara pembaikan yang dilakukan secara sedikit demi sedikit tetapi secara berterusan terutama dalam aktiviti yang berorientasikan manusia dan proses.

Bagi penulis, walaupun pada awalnya pengamalan budaya 5S itu diaplikasikan penulis di sekolah seperti membersihkan bilik darjah secara berkala atau menyusun sudut bacaan dengan lebih teratur, namun lama kelamaan, amalan yang cuba diterapkan Puan Ranjit itu telah menjadi sebahagian daripada aktiviti rutin kehidupan penulis. Tiada satu hari berlalu tanpa penulis mengamalkan budaya 5S. Sebagai contoh, penulis akan membersihkan bilik seperti menggelap tingkap, menyapu lantai, pada setiap hari Jumaat. (Sapu) Penulis menyusun atur dan melabelkan bahagian rak bagi buku nota, buku rujukan dan file-file kuliah. (Susun). Barang-barang lama yang tidak pakai, penulis akan asingkan dalam sebuah kotak agar meja belajar penulis tidak berselerak. (Sisih) Manakala, penulis akan sentiasa mementingkan kebersihan dan kekemasan pada setiap masa dan secara berterusan (Seragam & Sentiasa Amal).

Sejujurnya, pengenalan budaya 5S oleh pihak kepimpinan sekolah itu, merupakan perkara paling bermakna dan sentiasa penulis hargai hingga kini kerana, ia menyebabkan aktiviti seharian penulis lebih tersusun dan selesa sepanjang masa.

Bagi menerangkan tentang perspektif geografi budaya yang terakhir iaitu landskap budaya yang dapat dilihat dalam kehidupan penulis, konsep landskap budaya perlu diketahui terlebih dahulu. Menurut John Wylie (2007) landskap merupakan tema pusat bagi geografi budaya. Derek Gregory dan Rex Walford (1989) pula mengatakan landskap sentiasa berkaitan secara dekat dalam geografi manusia terutamanya budaya kerana idea yang nampak dalam bentuk fizikal di permukaan bumi. Carl Sauer (1927) iaitu bapa budaya pula mengatakan bahawa budaya sesebuah masyarakat dibentuk dan membentuk pandang darat tempat tinggalnya. (Suriati Ghazali, 2017) Melalui budaya yang mempengaruhi sesuatu kawasan, manusia akan mengubah suai persekitaran seperti bentuk ladang, bandar, jalan raya, rangkaian pengangkutan, seni bina perumahan malah taman dan tanah perkuburan sekalipun. (Jerome D. Fellmann, Arthur Getis & Judith Getis, 1999)

Dalam kehidupan seharian penulis, landskap budaya ini sememangnya ketara kelihatan. Penulis akan menggunakan tempat tinggal penulis iaitu Kota Damansara sebagai kawasan pemerhatian landskap budaya. Kota Damansara merupakan sebuah bandar di Petaling Jaya dengan memiliki sebanyak 13 seksyen. Penulis tinggal di Seksyen 5, Kota Damansara. Disebabkan oleh pelbagai budaya yang terdapat di sini, berlaku 'cultural succession' yang menyebabkan pandang darat Kota Damansara menjadi semakin kompleks.




Peta 1: Peta Lokasi Kota Damansara, Petaling Jaya, Selangor.

Sumber: Google Maps

Jika diperhatikan melalui peta 1, kawasan tempat tinggal penulis (Gugusan Dedap 5) dikelilingi dengan landskap budaya yang kompleks. Sebagai contoh, dalam kawasan yang berdekatan, namun disebabkan kepesatan kawasan bandar, terdapat dua pusat beli-belah yang hampir dengan rumah penulis iaitu Encorp Strand Mall dan Sunway Giza Mall. Kedua-dua seni bina pusat beli-belah ini tidak menggunakan seni bina atau reka bentuk budaya tempatan. Sebaliknya, mengaplikasikan reka bentuk moden Barat yang menunjukkan kemegahan Kota Damansara sebagai pusat Bandar. Malah, kedai yang terdapat dalam kedua-dua pusat beli-belah ini juga menggambarkan budaya yang pelbagai merentasi dunia.

Sebagai contoh, apabila penulis berkunjung ke pusat beli-belah ini, terdapat pelbagai kedai pakaian, tudung, kasut dan beg tangan yang berkonsepkan pelbagai budaya seperti Amerika Syarikat, Korea, dan Jepun. Contohnya seperti British India, Dorothy Perkins, Eclipse dan Denni & Co. Dari segi makanan pula, seperti apa yang diperkatakan oleh Jerome D. Fellmann, Arthur Getis & Judith Getis (1999), kedai makan yang bercirikan etnik dan budaya asal telah hilang karakternya. Terdapat kepelbagaian makanan dari segenap budaya, ada dijual seperti Absolute Thai, Amber Chinese Muslim Restaurant, Chatterbox Hong Kong Cuisine Restaurant, Burger King, Dave's Bistro Bar & Grill dan Hokkaido Sushi

Walaupun telah mempunyai dua pusat beli-belah, masih terdapat pasar raya Giant bagi menampung kepesatan penduduk yang juga dapat dilihat kepelbagaian budaya padanya. Selain itu, landskap budaya kawasan tempat tinggal penulis yang menarik perhatian penulis ialah bagaimana bentuk seni bina rumah dan bentuk penempatannya juga tidak lagi hanya mengikut budaya tempatan. Jika dilihat dalam peta, terdapat beberapa tiga kondominium yang berhampiran rumah penulis iaitu Condominium Casa Indah, Surian Condominium dan Palm Spring Damansara. Reka bentuk rumah amat moden, bercirikan barat, malah dilengkapi kolam renang.



Rajah 5: Contoh reka bentuk Condominium Casa Indah, Kota Damansara.

Sumber: Portal Flexi Stay Services

Yang terakhir, contoh landskap fizikal budaya luar yang ketara di kawasan kediaman penulis ialah kewujudan Kelab Golf Seri Selangor Persiaran Damansara Indah, Tropicana, 47810 Petaling Jaya, Selangor (Rujuk Peta 1). Kelab Golf ini telah ditubuhkan pada tahun 1998, dengan memiliki sebanyak 18 lubang, 6,464 meter, dan 72 par sehingga ia sentiasa menjadi tuan rumah bagi Pertandingan Golf. Malah pernah menjadi tuan rumah bagi World Cup Qualifying for Asia Pacific and Worldwide Selangor Masters. (Portal Rasmi Kelab Golf Seri Selangor, 2018) Apa yang menariknya, permainan golf tidak lagi menjadi asing dalam kalangan masyarakat, walaupun ia sebenarnya permainan yang berasal daripada budaya luar iaitu Scotland.

Kesimpulannya, melalui penulisan ini, dapat dilihat bagaimana kehidupan seharian penulis dapat dihuraikan melalui tiga perspektif geografi budaya iaitu pusat budaya, difusi budaya dan landskap budaya. Melalui pusat budaya, penulis tunjukkan bagaimana Jepun sebagai pusat budaya mempengaruhi kehidupan penulis. Dalam difusi budaya, penulis tunjukkan bagaimana kesan proses difusi budaya relokasi dan pengembangan melalui hierarki, yang menggunakan contoh budaya Jepun, mempengaruhi kehidupan seharian penulis. Akhirnya melalui landskap budaya Kota Damansara, tempat tinggal penulis, penulis ceritakan apakah bentuk-bentuk landskap budaya yang ada, yang menunjukkan 'cultural succession' sehingga menghasilkan pandang darat yang kompleks.

Oleh itu, tidak dapat dinafikan bahawa, geografi manusia melalui geografi budaya menunjukkan interaksi antara manusia dengan pelbagai budaya, yang akhirnya memberi kesan nyata terhadap cara berpakaian, makanan kegemaran, amalan hidup malah seni bina. Geografi budaya adalah sesuatu yang dinamik, di mana ia akan terus mempunyai perubahan dari masa ke masa hasil interaksi ruang antara manusia.

Bibliografi

- Admin Blog Rasmi SMK Seksyen 4 Kota Damansara. (2013, 20 Februari). *Smk Seksyen 4 Kota Damansara Masuk Surat Khabar*. Laman Sesawang Rasmi SMK Seksyen 4 Kota Damansara. Dicapai pada 29 Oktober 2018, dari, <http://sekolahseksyen4kd.blogspot.com/2013/02/smk-seksyen-4-kota-damansara-masuk.html>
- Ahmad Sohaimi Lazim. 2013. *Hubungan Malaysia Jepun: Diplomasi dan Pendidikan*. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya
- De Blij, HJ. 1997. *Human Geography: Culture, Society, and Space*. New York: John Wiley & Sons.
- Editor AP Human Geography. 2015. *Education: Human Geography Collections*. Laman Sesawang National Geographic Society. Dicapai pada 29 Oktober 2018, dari <https://www.nationalgeographic.org/education/ap-human-geography/>
- Editor Laman Rasmi 5S Perpustakaan UTM. 2018 *Konsep 5S*. Laman Sesawang Rasmi 5S Perpustakaan UTM. Dicapai pada 30 Oktober 2018, dari <http://portal.psz.utm.my/5s/index.php/concept/>
- Fouberg, EH, Murphy, A & de Blij, HJ. 2012. *Human Geography: People, place and culture*. Hoboken, NJ: John Wiley & Sons.
- Getis, Arthur, Getis, Judith & Fellmann, Jerome D. 1999. *Human Geography: Landscapes of Human Activities Sixth Edition*. New York: Mc Graw Hill Higher Education
- Getis, Arthur, Getis, Judith & Fellmann, Jerome D. 2008. *Introduction to Geography Eleventh Edition*. New York: Mc Graw Hill Higher Education.
- Gregory, Derek & Walford, Rex. 1989. *Horizons in Human Geography*. London: Macmillan Education LTD.

- Google Maps. 2018. *Kota Damansara, Petaling Jaya, Selangor*. Google Maps. Dicapai pada 30 Oktober 2018, dari <https://www.google.com/maps/@3.1533136,101.5920719,16z>
- Historyplex Staff. (2018, 19 Mac). *Cultural Hearth: Definition and Examples from a New Perspective*. Laman Sesawang Historyplex. Dicapai pada 28 Oktober 2018, dari <https://historyplex.com/cultural-hearth-definition-examples>
- Hiromichi Masuda, Kazuo Rikukawa & Masahiro Hasegawa. (2017) *Anime Industry Report 2017 Summary*. Diperoleh dari, Laman Sesawang Anime Association of Japanese Animations. Diakses pada 28 Oktober 2018, dari <http://aja.gr.jp/english/japan-anime-data>
- Portal Flexi Stay Services. 2018. *Casa Indah Condo*. Laman sesawang Flexi Stay Services. Diakses pada 30 Oktober 2018, dari <https://flexistay.my/Property-CasaIndah1->
- Portal Rasmi Kelab Golf Seri Selangor. 2018. *About Us*. Laman Sesawang Kelab Golf Seri Selangor. Diakses pada 30 Oktober 2018, dari <http://www.seriselangor.com.my/about-us.html>
- Rohayati Paidi “Difusi Budaya Popular Jepun: Penggunaan dan Pengeluaran Audiens Malaysia dalam Asmadi Hassan & Mohd Ikbal Mohd Huda. 2017. *Malaysia dan Jepun: Perspektif Sejarah, Politik, Ekonomi, dan Sosiobudaya*. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya.
- Suriati Ghazali. 2017. *Transformasi Wanita Malaysia: Suatu Perspektif Geografi Budaya*. Siri Syarahan Umum Pelantikan Profesor 2014; Bilangan 6. Pulau Pinang: Penerbit Universiti Sains Malaysia.
- Serguei Shcheglov. (2017, 25 April) *What Is A Culture Hearth?*, Laman Sesawang Worldatlas. Dicapai pada 26 Oktober 2018, dari <https://www.worldatlas.com/articles/what-is-a-culture-hearth.html>
- Wylie, John. 2007. *Landscape: Key ideas in Geography*. New York: Routledge